



**UniMAP**

**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

---

**LOT 112 & 114, TINGKAT 1, BLOK A, TAMAN PERTIWI INDAH, JALAN KANGAR-ALOR  
SETAR, SERIAB, KANGAR**

**“MEMORANDUM”**

**‘PEMENANG ANUGERAH KUALITI SIRIM 2013 (ORGANISASI)’**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014**  
**DARIPADA : PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS)**  
**KEPADA : SEMUA PELAJAR PASCASISWAZAH (WARGANEGARA MALAYSIA)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

**PENAWARAN BAGI MENGISI KEKOSONGAN SLOT SKIM GA MYBRAIN15 DI UniMAP**

Adalah dimaklumkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Skim bantuan GA MyBrain15 merupakan salah satu inisiatif UniMAP di bawah CAPs MyBrain15 bagi mencapai hasrat kerajaan di mana mensasarkan seramai 60,000 pemegang Ph.D dari kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023. Skim ini menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar tempatan (warganegara) yang berkelayakan tetapi menghadapi masalah kewangan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D.

3. Sehubungan dengan itu, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) ingin menjemput semua pelajar yang berminat untuk mengisi kekosongan slot Skim GA MyBrain15 di UniMAP. Skim ini terbuka kepada pelajar pascasiswazah berstatus **Warganegara Malaysia** di peringkat pengajian Ph.D secara sepenuh masa di UniMAP. Pelajar yang layak boleh memohon dan tarikh tutup permohonan adalah **28 November 2014**.

4. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan dan keterangan lanjut mengenai Skim GA MyBrain15 tersebut. Borang yang lengkap diisi bersama-sama dengan dokumen berkaitan hendaklah diserahkan kepada Encik Mohd Muzamir di PPS UniMAP, Seriab Kangar. Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan PPS.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.